

13 JUL 2002

Abdullah-Politik

KESTABILAN POLITIK PATUT DIIRINGI DENGAN KECEKAPAN PENTADBIRAN

ALOR SETAR, 13 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kestabilan politik sesebuah negara patut diiringi dengan kecekapan pentadbiran untuk melaksanakan undang-undang dan dasar pembangunan.

Semua pentadbir kerajaan mempunyai peranan untuk menguatkuasakan undang-undang kerana ia bukan sahaja terletak di tangan polis sahaja, kata Timbalan Perdana Menteri.

Fungsi polis adalah untuk keamanan negara dan kejayaan dasar pembangunan negara pula terletak di bawah tanggungjawab pentadbir yang perlu menguatkuasakan dasar pembangunan itu serta memastikan ia dijalankan dengan baik, katanya.

Kestabilan politik pula adalah penting kerana tanpanya, tidak mungkin dasar-dasar pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan para pegawai tadbir negeri di Wisma Darul Aman di sini hari ini.

Pada pertemuan itu, beliau turut menjelaskan mengenai tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu teliti dalam menyusun jadual peralihan kuasa selama enam belas bulan bagi memastikan peralihan itu dapat dijalankan dengan baik sekali.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memastikan akan wujud kestabilan politik dalam tempoh peralihan itu bagi memastikan peralihan kuasa dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Kalau tidak ada kestabilan politik, kita akan menghadapi masalah dan kerajaan akan lemah...kalau ada kestabilan politik, ia akan memberi kekuatan kepada kita," katanya.

-- BERNAMA

AT KHY RON